

# Kerajaan negeri diingatkan promosi program pembangunan

UM 13 DEC 2002

ALOR STAR 12 Dis. — Rancangan pembangunan yang dibuat oleh setiap kerajaan negeri perlu dipromosi di dalam dan luar negara supaya rakyat dan para pelabur mendapat gambaran yang jelas.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, melalui cara itu rakyat dan pelabur tahu matlamat program tersebut dan mereka mengambil bahagian untuk melaksanakan projek-projek yang direncanakan.

Katanya, bagi menjayakan projek-projek tersebut, kepimpinan politik dan pentadbiran kerajaan perlu bekerja seiringan agar tidak timbul masalah pelaksanaan.

"Saya ingin mengingatkan, satu pihak sahaja tidak boleh bergerak tanpa sokongan pihak yang lain," katanya selepas menutup Konvensyen Kedah Maju 2010 di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman hari ini.

Wawasan Kedah Maju 2010 kini genap setahun selepas ia dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tahun lepas.

Sementara itu ketika berucap pada majlis itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, rancangan pembangunan kerajaan negeri seperti Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 ini tidak harus dijadikan isu politik kerana pelaksanaannya adalah untuk faedah seluruh rakyat.

Beliau juga mahu Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 ini disemak semula pada separuh penggal iaitu tahun 2005 untuk melihat keberkesanannya dan masalah serta kelemahan untuk diperbaiki.

Sebelum itu, Abdullah berkata, rancangan yang dibuat oleh kerajaan negeri Kedah ini bukan satu pembaziran, merugikan mana-mana pihak atau untuk bersaing dengan Kerajaan Persekutuan yang juga mempunyai wawasannya sendiri.

"Pelan Kedah Maju ini bukan sahaja merupakan pelengkap kepada rancangan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di negeri ini tetapi membuktikan Kedah tidak hanya bergantung kepada projek Kerajaan Pusat sahaja," kata Abdullah.

Timbalan Perdana Menteri juga mahu kerajaan negeri memberi perhatian yang lebih agar tidak ada lagi rakyat termiskin di Kedah pada 2010.